



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2016

**TAMBAHAN WAKTU PERINGKAT (WP) DALAM JADUAL WAKTU
BEKERJA BERPERINGKAT (WBB) DILAKSANAKAN KHAS PADA
BULAN RAMADAN**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan berhubung dengan tambahan Waktu Peringkat (WP) dalam jadual Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) dilaksanakan khas pada bulan Ramadan.

LATAR BELAKANG

2. WBB telah dilaksanakan di semua agensi Kerajaan Persekutuan di seluruh negara mulai 1 Jun 2007 sebagaimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2007 dan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2010.

3. Justeru, Kerajaan bercadang menambah WP dalam jadual WBB yang sedia ada di semua agensi Kerajaan Persekutuan kepada penjawat awam dalam bulan Ramadan dengan menambah WP4, WP5 dan WP6 selaras dengan transformasi Perkhidmatan

Awam dengan mengurangkan waktu rehat selama 30 minit bagi membenarkan penjawat awam meninggalkan pejabat 30 minit lebih awal pada bulan Ramadan.

PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA BERPERINGKAT PADA BULAN RAMADAN

4. Bagi pejabat di negeri Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Putrajaya) di mana hari Sabtu dan Ahad merupakan Hari Rehat Mingguan, Waktu Pejabat untuk WP4, WP5 dan WP6 ialah dari pukul 7.30 pagi hingga 5.00 petang. Waktu Rehat ditetapkan dari pukul 1.00 petang hingga 1.30 petang (Isnin hingga Khamis) dan 12.30 tengah hari hingga 2.30 petang (Jumaat) seperti di **Jadual 1** berikut:

Jadual 1: Waktu Bekerja Berperingkat di Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Putrajaya)

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
WP4	Isnin - Khamis	7.30 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 1.30 ptg	1.30 ptg - 4.00 ptg
	Jumaat	7.30 pg - 12.30 tgh	12.30 tgh - 2.30 ptg	2.30 ptg - 4.00 ptg
WP5	Isnin - Khamis	8.00 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 1.30 ptg	1.30 ptg - 4.30 ptg
	Jumaat	8.00 pg - 12.30 tgh	12.30 tgh - 2.30 ptg	2.30 ptg - 4.30 ptg
WP6	Isnin - Khamis	8.30 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 1.30 ptg	1.30 ptg - 5.00 ptg
	Jumaat	8.30 pg - 12.30 tgh	12.30 tgh - 2.30 ptg	2.30 ptg - 5.00 ptg

5. Bagi pejabat di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, Waktu Pejabat untuk WP4, WP5 dan WP6 ialah dari pukul 7.30 pagi hingga pukul 5.00 petang. Waktu Rehat ditetapkan dari pukul 1.00 petang hingga pukul 1.30 petang (Isnin hingga Khamis) dan 11.45 pagi hingga 1.45 petang (Jumaat) seperti di **Jadual 2** berikut:

**Jadual 2: Waktu Bekerja Berperingkat di Sabah dan Wilayah Persekutuan
Labuan**

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
WP4	Isnin - Khamis	7.30 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 1.30 ptg	1.30 ptg - 4.00 ptg
	Jumaat	7.30 pg - 11.45 pg	11.45 pg - 1.45 ptg	1.45 ptg - 4.00 ptg
WP5	Isnin - Khamis	8.00 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 1.30 ptg	1.30 ptg - 4.30 ptg
	Jumaat	8.00 pg - 11.45 pg	11.45 pg - 1.45 ptg	1.45 ptg - 4.30 ptg
WP6	Isnin - Khamis	8.30 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 1.30 ptg	1.30 ptg - 5.00 ptg
	Jumaat	8.30 pg - 11.45 pg	11.45 pg - 1.45 ptg	1.45 ptg - 5.00 ptg

6. Bagi pejabat di negeri Sarawak, Waktu Pejabat untuk WP4, WP5 dan WP6 ialah dari pukul 7.30 pagi hingga pukul 5.00 petang. Waktu Rehat ditetapkan dari pukul 1.00 petang hingga pukul 1.30 petang (Isnin hingga Khamis) dan dari pukul 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang (Jumaat) seperti di **Jadual 3** berikut:

Jadual 3: Waktu Bekerja Berperingkat di Sarawak

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
WP4	Isnin - Khamis	7.30 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 1.30 ptg	1.30 ptg - 4.00 ptg
	Jumaat	7.30 pg - 12.00 tgh	12.00 tgh - 2.00 ptg	2.00 ptg - 4.00 ptg
WP5	Isnin - Khamis	8.00 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 1.30 ptg	1.30 ptg - 4.30 ptg
	Jumaat	8.00 pg - 12.00 tgh	12.00 tgh - 2.00 ptg	2.00 ptg - 4.30 ptg
WP6	Isnin - Khamis	8.30 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 1.30 ptg	1.30 ptg - 5.00 ptg
	Jumaat	8.30 pg - 12.00 tgh	12.00 tgh - 2.00 ptg	2.00 ptg - 5.00 ptg

7. Bagi pejabat di negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor, di mana hari Jumaat dan Sabtu merupakan Hari Rehat Mingguan, Waktu Pejabat untuk WP4, WP5 dan WP6 ialah dari pukul 7.30 pagi hingga pukul 5.00 petang (Ahad - Rabu) dan 7.30 pagi hingga 3.30 petang (Khamis). Waktu Rehat ditetapkan dari pukul 1.00 petang hingga pukul 1.30 petang (Ahad-Khamis) seperti di **Jadual 4** berikut:

Jadual 4: Waktu Bekerja Berperingkat di Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
WP4	Ahad - Rabu	7.30 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 1.30 ptg	1.30 ptg - 4.00 ptg
	Khamis	7.30 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 1.30 ptg	1.30 ptg - 2.30 ptg
WP5	Ahad - Rabu	8.00 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 1.30 ptg	1.30 ptg - 4.30 ptg
	Khamis	8.00 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 1.30 ptg	1.30 ptg - 3.00 ptg
WP6	Ahad-Rabu	8.30 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 1.30 ptg	1.30 ptg - 5.00 ptg
	Khamis	8.30 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 1.30 ptg	1.30 ptg - 3.30 ptg

8. Walau apapun WP di atas, bagi **waktu bekerja selain daripada waktu bekerja pejabat**, ia adalah **tertakluk kepada peraturan semasa** yang telah diperuntukkan kepada Ketua Jabatan bagi mengatur waktu bekerja pegawai terlibat.

9. Sekiranya pegawai hendak mengubah WP daripada WP1/WP2/WP3 kepada WP4/WP5/WP6 bagi bulan Ramadan, pegawai perlu mengisi borang seperti di **LAMPIRAN**.

TARIKH KUAT KUASA

10. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

11. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

12. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, Surat Edaran JPA.SARAAN (S) 1619 Jld.18(44) bertarikh 12 Jun 2015 adalah **dibatalkan**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

2 Jun 2016

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan



BORANG PEMILIHAN WAKTU PERINGKAT (WP) BAGI BULAN RAMADAN
(Sekiranya pegawai hendak mengubah WP daripada WP1/WP2/WP3 kepada
WP4/WP5/WP6)

NAMA PEGAWAI :

NO. KAD PENGENALAN :

JAWATAN/GRED :

BAHAGIAN/CAWANGAN/UNIT :

KEMENTERIAN/JABATAN :

ARAHAN :

Tuan/puan adalah dikehendaki membuat pilihan WP bagi **bulan Ramadan** dengan mengisi salah satu WP pilihan di dalam **Petak 'A'** yang disediakan di bawah.

PETAK 'A'

PILIHAN WP	TANDA (✓) YANG BERKENAAN
WP4	
WP5	
WP6	

Saya membuat pilihan WP
seperti di Petak 'A'

Tandatangan
Pegawai:

Tarikh :

***PETAK 'B'**

PENETAPAN WP	TANDA (✓) YANG BERKENAAN
WP4	
WP5	
WP6	

Selepas mengambil kira pilihan WP
di Petak 'A', penetapan WP tuan/puan
adalah seperti di Petak 'B'.

Tandatangan
Ketua Jabatan:

Tarikh :

*** WP di petak 'B' berkuat kuasa sepanjang bulan Ramadan bermula pada hari pertama
sehingga hari terakhir bulan Ramadan.**